



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	4/9/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	-			

# 'Selangor wajar jadi contoh peliharaan hutan'

Shariffa Sabrina (tengah) menyerahkan memorandum kepada wakil menteri besar berhubung bantahan penyahvertaan HSKLU di pintu hadapan Pejabat SUK Selangor pada Jumaat.



Infrastruktur di negeri ini sudah mencukupi, tidak perlu lupus HSKLU

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

**P**ertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) mendesak kerajaan Selangor membatalkan penyahvertaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) susulan infrastruktur di negeri itu mencukupi.

Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, kerajaan negeri wajar memelihara lebih banyak hutan simpan atau mewujudkan taman-taman yang

terdiri daripada kepelbagaian spesies haiwan dan tumbuhan.

Beliau berkata, sebagai sebuah negeri maju, Selangor perlu menjadi contoh kepada negeri lain dalam aspek pemeliharaan kawasan hutan simpan yang menjadi sumber bagi penyerapan air hujan.

"Kami juga dah nyatakan sewaktu sesi *townhall* sebelum ini bahawa kita tidak mahuikan apa-apa kemusnahan berlaku di kawasan HSKLU.

"Selangor kalau ada sahaja hutan, semua nak bangunkan dan kita kena faham betapa pentingnya hutan ini dipelihara," katanya selepas menyerahkan memorandum bantahan kepada wakil kerajaan negeri di hadapan pintu masuk Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Selangor pada Jumaat.

Selain Peka, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain seperti Otai Reformis, dan Pertubuhan Gerak98 turut hadir

bagi menyerahkan memorandum bantahan berkenaan.

Dalam pada itu, Setiausaha Otai Reformis, Abdul Razak Ismail menggesa semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri itu agar dapat merujuk Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parti Keadilan Rakyat (PKR) berikutan beliau telah memberi maklumat palsu kepada pimpinan Pakatan Harapan (PH).

"Menteri Besar beri jaminan yang salah sebelum ini di mana beliau memaklumkan bahawa penyahvertaan berkenaan akan ditangguhkan.

"Kita nyatakan yang ia adalah pembobongan kerana pada 12 Ogos 2021, telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Selangor bahawa tanah itu sudah dilucutkan hak status sebagai hutan simpan," katanya.